

R GB 1b-04 00181 BA480

bah

PM CABAR PAS JALANKAN HUKUMAN+HUDUD+

Mahathir - Hudud

JOHOK BAHAKU, 1b April (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencabar PAS supaya meneruskan cadangan mereka hendak melaksanakan hukuman+hudud+ di Kelantan.

+Kitatak larang mereka jalankan hukuman tersebut jika ia memang ajaran Islam. Kalau Nik Aziz (Nik Mat - Menteri Besar Kelantan) nak buat, biarlah, kalau dia nak potong tangan atau potong kepala sekalipun, kitatak akan larang. Kita nak tengok siapa yang sanggup buat semua itu,+ katanya.

Beliau berucap pada majlis perjumpaan dengan kira-kira 200 orang anggota jawatankuasa bahagian-bahagian UMNO Johor di kediaman Menteri Besar Johor, Saujana, di sini.

Perdana Menteri, yang diiringi oleh isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali adalah dalam rangka lawatan rasmi sehari ke Johor.

Beliau berkata beliau percaya PAS sebenarnya tidak mahu melaksanakan hukuman tersebut tetapi sengaja bercakap demikian supaya mereka boleh mendakwa bahawa apajuga yang hendak mereka lakukan, yang kononnya mengikut ajaran Islam, ditentang oleh pemimpin UMNO yang +kurang Islam.+ -- Lagi.

▼16/04/18-09MST

R GB 1b-04 00188 BA481

bah

Mahathir - Hudud 2 Johor Baharu

+Kita tidak boleh melaksanakan hukuman tersebut kerana ada beberapa perkara tertentu yang tidak membolehkan kita menjalankan hukuman tersebut tetapi ini tidak pula bererti kita tidak mengikut ajaran agama+, tambah Dr Mahathir.

Katanya, Islam memberi kelonggaran dalam banyak perkara.

Sebelum itu, beliau berkata, kerajaan yang ada kini adalah liberal dan tidak pernah bertindak atau melakukan sesuatu untuk menekan orang lain.

Menurutnya, kerajaan tidak pernah memaksa rakyat bukan Melayu di negara ini supaya menukar nama mereka kepada nama Melayu seperti yang berlaku di beberapa buah negara lain.

+Sebab itu Malaysia terus maju kerana parti yang memerintah mendapat sokongan daripada semua kaum. Malahan banyak negara luar yang cemburu dengan kejayaan kita dan ingin belajar daripada kita+, tambah beliau.

Baqaimanapun, menurut Dr Mahathir, kejayaan dan kestabilan politik di Malaysia akan hilang jika rakyat terlalu asyik berpolitik, lalai dan bercakaran antara satu sama lain.

Beliau juga mengingatkan anggota-anggota UMNO Johor supaya terus memainkan peranan untuk menstabil dan mengukuhkan parti itu kerana hanya dengan berbuat demikian, UMNO akan dapat terus berkuasa. -- Bernama.

▼16/04/18-10MST